

**Lebih 4,000 Manuskrip Dalam Tulisan Jawi Belum Dikaji
Bernama
18 October 2012**

KUALA TERENGGANU, 18 Okt (Bernama) -- Lebih 4,000 manuskrip dalam tulisan jawi yang belum dikaji dan diterjemah kini berada dalam simpanan Perpustakaan Negara Malaysia dengan yang paling lama dianggarkan berusia kira-kira 400 tahun.

Ketua Pengarahnya Datuk Raslin Abu Bakar berkata jika manuskrip tersebut dapat direkod semula dalam tulisan Rumi, lebih banyak lagi ilmu untuk beberapa bidang seperti perubatan dan perniagaan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu selepas zaman keagungan kesultanan Melayu dapat dibongkar.

"Ada banyak kitab Melayu lama yang ditulis dalam jawi yang belum lagi "digali" dan kita percaya ia kaya dengan pelbagai catatan ilmu pengetahuan berkaitan bidang perubatan dan perniagaan," katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran Karnival Semarak Jawi Kebangsaan 2012 sebagai mewakili Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Kamaruddin Siaraf di sini, Khamis.

Beliau berkata pakar tulisan jawi yang sedia ada termasuk Unit Jawi di Perpustakaan Negara kini sedang giat membuat kajian-kajian terhadap manuskrip lama dalam tulisan jawi untuk direkod semula dalam tulisan Rumi.

Menurutnya maklumat dalam tulisan jawi itu sukar untuk diterjemah kerana ia menggunakan ejaan Bahasa Melayu lama.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=702938>